

## ADAB-ADAB PENYELIDIK MUSLIM BERDASARKAN SURAH AL-HUJURAT

### “ADAB” OF MUSLIM RESEARCHER BASED ON SURAH AL- HUJURAT

Mohd Syahmir Alias<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

**Accepted date:** 30 October 2017

**Published date:** 15 March 2018

**To cite this document:** Alias, M. S. (2018). Adab-Adab Penyelidik Muslim Berdasarkan Surah Al-Hujurat. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 71-82.

---

**Abstrak:** Terdapat dua kontroversi yang mendapat perhatian komuniti penyelidik dalam sejarah etika penyelidikan. Pertama, pelanggaran privasi peserta kajian dalam kajian sosiologi melalui pemerhatian ikut serta oleh Laud Humphreys. Kedua, penderitaan emosi yang dialami sukarelawan kajian disebabkan oleh kajian psikologi makmal Stanley Milgram. Oleh sebab kekhuatiran isu-isu tersebut berulang semula, badan-badan penyelidikan di dunia seperti American Psychological Association (APA) mengemukakan prinsip umum dan kod-kod etika untuk diterapkan oleh para penyelidik dalam penyelidikan. Walau bagaimanapun, dalam tradisi Islam, etika lebih dikenali sebagai adab dan ia bersumberkan sumber berautoriti dalam Islam iaitu al-Qur'an. Oleh itu, artikel ini bertujuan meneliti prinsip asas dan adab-adab penyelidik Muslim yang terdapat dalam al-Qur'an dengan tumpuan kepada Surah al-Hujurat. Hal ini kerana, adab penyelidikan dalam Islam khususnya berasaskan al-Qur'an didapati masih belum dicungkil sepenuhnya. Hasilnya, artikel ini mendapati prinsip tabayyun yang ditekankan dalam Surah al-Hujurat dapat dijadikan prinsip asas dalam penyelidikan Islam dan terdapat empat adab penyelidikan yang dikemukakan. Pertama, penilaian arah tuju berasaskan wahyu; kedua, bersifat adil; ketiga, menjauhi persangkaan dan kemudaratan; dan keempat, bersifat jujur. Implikasinya, penyelidikan yang dilakukan atas dasar keimanan kepada Allah SWT akan menatijahkan kebaikan di dunia dan akhirat. Penerapan adab-adab dalam penyelidikan dapat mencapai matlamat memperoleh kebenaran daripada Allah SWT dan memberi kebaikan kepada masyarakat.

**Kata Kunci:** Penyelidikan Islam, Tabayyun, Kod etika, Adab, Surah al-Hujurat

**Abstract:** There are two controversies that have earned the attention of community of researchers in the history of research ethics. Firstly, the breach of privacy of the participant in Laud Humphreys's participant observation through his sociological study. Secondly, the emotional anguish of the research volunteer due to Stanley Milgram's laboratory psychological study. Due to the growing concern of these issues, professional research organisation companies such as the American Psychological Association (APA) propound general principles

and ethical codes for researchers. However, in the Islamic tradition, ethics is better known by “*adab*” (manners) and it is derived from the authoritative Islamic source of knowledge that is the *Qur’an*. Therefore, this article seeks to examine the fundamental principle and ethical codes of Muslim researchers based on the *Qur’an* with the focus on *Surah al-Hujurat*. However, the “*adab*” of Islamic research, especially based on the *Qur’an*, is still not well developed. As a result, this article found that the principles of “*tabayyun*” emphasized in *Surah al-Hujurat* can be used as a fundamental principle in Islamic research and there are four “*adab*” in research that can be pointed out. First, evaluation of research vision based on revelation; second, justice; thirdly, avoiding presuppositions and harms; and fourth, honesty. As the implication, the research done on the basis of the faith of Allah SWT will bring happiness in this world and the hereafter. The application of these “*adab*” in Islamic research can achieve the goal to earn the truth from Allah SWT and benefits the society.

**Keywords:** *Islamic research, Tabayyun, Ethical code, Adab, Surah al-Hujurat*

---

## **Pendahuluan**

Perbahasan mengenai etika penyelidikan bermula selepas berlakunya Perang Dunia Kedua. Hal ini kerana. Peperangan tersebut menyaksikan pengamal-pengamal perubatan Nazi menyeksa secara kejam objek kajian mereka atas nama penyelidikan biomedik. Hal ini mencetuskan pembentukan *Nuremberg Code* dan ia dijadikan asas bagi panduan etika penyelidikan badan-badan profesional seperti *American Psychological Association (APA)*, *British Psychological Association (BPA)*, *German Sociological Association (GSA)*, dan *Social Research Association (SRA)* (Berg, 2001). Badan-badan ini ditubuhkan kerana tercetusnya kontroversi dalam penyelidikan kerana ketiadaan satu kod etika yang lengkap bagi memandu para penyelidik.

Terdapat dua isu yang paling kontroversi berkaitan etika dalam sejarah penyelidikan di Barat. Isu-isu kontroversi ini mempunyai implikasinya sehingga hari ini. Pertamanya ialah isu kajian sosiologi pemerhatian ikut serta (*participant observation*) bertajuk *Tearoom Trade* oleh Laud Humphreys yang melanggar privasi dan menipu objek kajiannya; dan kedua, kajian psikologi makmal berkenaan kepatuhan kepada autoriti oleh Stanley Milgram yang memberikan penderitaan emosi dan turut menipu objek kajiannya. Secara umumnya, perbahasan mengenai etika dalam penyelidikan oleh para sarjana Barat telah menghasilkan pelbagai kod etika untuk kegunaan para penyelidik (Babbie, 2013; Neuman, 2011; Rubin & Babbie, 2011). Terma-terma nilai seperti kejujuran intelektual (*intellectual honesty*), kemanusiaan (*humaneness*) dan kebebasan ilmiah (*academic freedom*) turut digunakan oleh para sarjana Barat (Hicks, 2013:1241; Cohen, Manion & Marrinson, 2007:71).

Malah, *American Psychological Association* (2010:3-4) menggariskan lima prinsip umum dalam pelaksanaan penyelidikan oleh para ahli psikologi iaitu pertama, kemurahan hati (*beneficence*) dan tidak mencelakakan (*nonmaleficence*); kedua, ketepatan (*fidelity*) dan kebertanggungjawaban (*responsibility*); ketiga, ketulusan (*integrity*); keempat, keadilan (*justice*); dan kelima, menghormati hak dan maruah orang lain (*respect for people’s rights and dignity*). Di samping itu, badan ini juga menyenaraikan sepuluh kod atau piawaian etika secara terperinci untuk satu-satu penyelidikan. Hal ini menunjukkan perhatian yang serius diberikan oleh para ahli psikologi Amerika Syarikat terhadap isu etika dalam pengkajian.

Walau bagaimanapun, menurut Haron Din (2008:19), etika dari perspektif sarjana Barat secara konsepnya mempunyai perbezaan dengan adab dari perspektif tradisi Islam. Perkara ini menimbulkan suatu kepentingan untuk meneliti adab-adab dalam melaksanakan penyelidikan berlandaskan prinsip Islam. Oleh yang demikian, objektif artikel ini ialah pertama, mengenal pasti prinsip asas penyelidikan dalam al-Qur'an dengan tumpuan khusus terhadap Surah al-Hujurat; dan kedua, menganalisis adab-adab yang terdapat dalam Surah al-Hujurat. Surah al-Hujurat (surah ke-49 dalam susunan al-Qur'an) diturunkan selepas turunnya Surah al-Mujadilah (surah ke-58 dalam susunan al-Qur'an) semasa di Madinah. Surah ini mempunyai 18 ayat dan berada dalam juzuk ke-26 (Ahmad Sonhadji Mohamad, 2012:129).

Pemilihan surah ini didasarkan kepada pandangan pentafsir seperti Hamka (1990:6806) dan Ahmad Sonhadji Mohamad (2012:129) yang menyatakan bahawa Surah al-Hujurat banyak menjelaskan berkenaan adab dan tatacara memelihara kesopanan dalam kehidupan seseorang individu Muslim. Dalam setiap ayatnya memberikan gambaran dan panduan supaya seorang Muslim menjaga pergaulannya dengan Rasulullah SAW, diri sendiri, dan orang lain, sama ada terhadap Muslim mahupun bukan Muslim (Sayyid Qutb, 2000:407; Hamka, 1990:6807). Malah surah ini juga diberikan panggilan "*Surah al-Akhlaq*" oleh sebahagian pentafsir al-Qur'an (Ahmad Sonhadji Mohamad, 2012:129).

Dalam konteks penyelidikan, adab dapat melahirkan kaedah-kaedah yang betul dan bersesuaian dengan bidang pengkajian. Misalnya dalam kajian sains tabii, adab dapat menyediakan pemikiran penyelidik agar kualiti, matlamat, dan fungsi sebenar setiap makhluk ciptaan Allah SWT yang diteliti dapat diposisikan di tempat yang sewajarnya supaya menatijahkan keseimbangan antara manusia dengan alam tabii (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2006:154-155). Bagi mendalami lagi aspek adab dalam penyelidikan Islam berdasarkan Surah al-Hujurat, artikel ini dibahagikan kepada dua perbincangan utama. Pertama, mengenai prinsip asas penyelidikan Islam yang terkandung dalam Surah al-Hujurat; dan kedua, berkaitan adab-adab pelaksanaan penyelidikan yang diekstrak berdasarkan surah tersebut.

### ***Prinsip Asas Penyelidikan Islam dalam Surah Al-Hujurat***

Prinsip merupakan perkara penting yang mendasari sesuatu. Prinsip asas penyelidikan yang dapat didasarkan kepada Surah al-Hujurat ialah prinsip *tabayyun* yang dijelaskan dalam ayat kelimanya (Zulkifli Muhammad al-Bakri, 2015; Mohd Shukri Hanapi, 2015:37). Firman Allah SWT bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (fatabayyanu) untuk menentukan kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa jua yang kamu telah lakukan.”* (al-Hujurat, 49:6)

Hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad (no. Hadith: 17731) menjelaskan sebab penurunan (*asbab al-nuzul*) ayat ini. Secara ringkasnya, ia berkait dengan empat watak penting iaitu pertama, Rasulullah SAW; kedua, al-Harith Ibn Abi Dirar al-Khuza'iy; ketiga, al-Walid Ibn 'Uqbah; dan keempat, serombongan utusan (*al-ba'th*). Setelah memeluk Islam, al-Harith berjanji untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat setempatnya dan memungut zakat daripada golongan yang memeluk Islam. Beliau meminta Rasulullah SAW mengiriskan utusan kelak bagi mengambil hasil zakat yang dipungutnya.

Apabila tiba waktu yang ditetapkan, Rasulullah SAW mengutuskan al-Walid, namun beliau tidak melaksanakan arahan tersebut dan melaporkan kepada Rasulullah SAW bahawa al-Harith menghalangnya daripada mengambil zakat yang terkumpul dan mengugut untuk membunuhnya. Hal ini menyebabkan Rasulullah SAW menghantar serombongan utusan untuk mengesahkannya dan pada masa yang sama al-Harith juga berangkat untuk berjumpa Rasulullah SAW dan mereka bertemu di luar kota Madinah.

Serombongan utusan tersebut bertanya kebenaran dakwaan al-Walid kepada al-Harith, dan al-Harith menafikannya. Begitu juga, apabila selanjutnya mereka bertemu Rasulullah SAW, Baginda bertanyakan tentang kebenaran dakwaan tersebut dan al-Harith menafikan dakwaan tersebut dan menerangkan keadaan sebenar. Berdasarkan ringkasan Hadith ini, intipatinya dapat dinisbahkan dalam konteks penyelidikan melalui Jadual 1.

**Jadual 1: Penisbahan *Tabayyun* Berdasarkan Surah al-Hujurat dalam Konteks Penyelidikan**

Bil.	Watak dalam <i>Asbab al-Nuzul</i>	Nisbah dalam Penyelidikan	Jenis Sumber Data	Sifat Data
1.	Rasulullah SAW	Penyelidik (pelaku <i>tabayyun</i> )	-	-
2.	Al-Harith	Objek kajian (data primer)	Sumber pertama	Benar dan meyakinkan
3.	Al-Walid	Informan berseorangan	Sumber kedua	Berkemungkinan ambiguiti
4.	Rombongan utusan	Informan berkumpulan	Sumber kedua	Poli-angulasi

Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, Rasulullah SAW dapat dinisbahkan sebagai seorang penyelidik. Baginda menerima laporan pertama daripada seorang informan sahaja iaitu al-Walid. Namun, dakwaan ambiguiti yang terdapat dalam laporan tersebut mendorong Rasulullah SAW melakukan *tabayyun* bagi memastikan kebenaran dakwaan tersebut melalui *al-ba'th*. Hasilnya, Rasulullah SAW mendapat laporan berkumpulan dalam jumlah informan yang ramai dan Baginda turut mendapat penjelasan secara langsung daripada sumber pertama iaitu al-Harith.

Secara umumnya, terdapat dua tatacara *tabayyun* yang dapat diitlakkan daripada tindakan Rasulullah SAW. Pertama, mengabsahkan maklumat daripada sumber kedua yang banyak jumlahnya (poli-angulasi) dengan syarat mengetahui atau memahami dengan lebih neutral konteks sebenar sumber pertama. Kedua, mendapatkan penjelasan kepada sumber pertama sekiranya berkemampuan menemui atau menghubunginya. Tatacara pertama membolehkan penyelidik mendapatkan sekurang-kurangnya maklumat bersifat *zann* (persangkaan) yang mendekati keyakinan, manakala tatacara kedua secara pastinya memberikan penyelidik maklumat yang yakin dan benar.

Selain itu, menurut Muhammad al-Tahir 'Asyur (1984:229), al-Walid pada hakikatnya menyampaikan dakwaan sebegitu kerana timbul persangkaan dalam hatinya. Oleh yang demikian, turunnya ayat al-Hujurat (49:6) ini adalah untuk menyeru manusia supaya meneliti terlebih dahulu sebarang bentuk perkhbaran atau dakwaan sebelum membuat sesuatu kesimpulan. Menurut Sayyid Qutb (2000:413), prinsip *tabayyun* secara idealnya menuntut Muslim menjadi penyelidik dan penyampai yang boleh dipercayai.

Para ilmuwan Islam juga merumuskan proses melakukan *tabayyun* bagi mengelakkan pendustaan perkhbaran atau nukilan (*naqalan*) dan pernyataan atau dakwaan (*mud'iyyan*) (al-

Butiy, 1996:7). Menurut al-Butiy (1996:7-8), sekiranya perkara yang melibatkan *naqalan*, maka penyelidik perlu berusaha menentukan perhubungan atau nisbah kesahihan khabar dengan sumbernya. Pada perhubungan itu mungkin terdapat tokoh tambah yang menimbulkan keraguan. Jika melibatkan *mud'iyyan* pula, maka penyelidik Muslim perlu memfokuskan bukti-bukti yang bertepatan dengannya seperti dakwaan berasaskan perkara empirikal perlu dilihat kepada bukti empirikal. Oleh itu, penelitian terhadap keaslian sumber perkhawaran dan ketepatan bukti perlu dilakukan bagi mengesahkan darjah keyakinan dalam penyelidikan. Perkara ini menjadikan *tabayyun* sebagai prinsip asas dalam penyelidikan Islam.

### ***Adab-adab Penyelidikan Berdasarkan Surah Al-Hujurat***

Dalam bahagian sebelumnya, penulis telah menganalisis suatu prinsip asas penyelidikan yang terdapat dalam Surah al-Hujurat iaitu prinsip *tabayyun*. Manakala dalam bahagian ini pula, penulis menganalisis adab-adab yang dapat diekstrak daripada Surah al-Hujurat. Sebelum meneliti perkara tersebut, adab itu sendiri perlu didefinisikan terlebih dahulu. Adab, mengikut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980:17), ditakrifkan sebagai:

*“... pengakuan dan pengiktirafan terhadap hakikat bahawa ilmu pengetahuan dan kewujudan tersusun secara bermartabat mengikut pelbagai gred dan darjah tersendiri, dan tempat yang wajar bagi seseorang dalam hubungan kepada hakikat tersebut, dan muatan dan potensi jasmani, intelektual dan rohani seseorang.”*  
(Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980:17)

Secara intipatinya, adab merupakan suatu ilmu yang memelihara manusia daripada pertimbangan nilai yang salah (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980:17). Adab seperti berperilaku terpuji (*mahmudah*) dan berperilaku tercela (*madhmumah*) adalah berasaskan darjah-darjah dalam hukum fiqah (*al-ahkam al-khamsah*) iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Ia mempunyai ketetapan yang bersumberkan wahyu Allah SWT (Haron Din, 1990b:322; Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi, 2013:35). Oleh yang demikian, adab secara keseluruhannya dapat menghasilkan perilaku dan pertimbangan seseorang pengkaji yang mengikut acuan al-Qur'an dan Hadith (Asmawati Suhid, 2009:14).

Daripada keseluruhan ayat Surah al-Hujurat, sekurang-kurangnya terdapat empat ayat yang membawa kepada kefahaman adab dalam penyelidikan Islam yang dapat dikemukakan dalam artikel ini. Pertama, tanggungjawab penyelidik untuk menilai arah tuju penyelidikan berasaskan wahyu; kedua, tanggungjawab penyelidik untuk bersifat adil terhadap objek kajian; ketiga, tanggungjawab penyelidik untuk melaksanakan kajian tanpa sebarang persangkaan dan memudaratkan objek kajian; dan keempat, tanggungjawab penyelidik untuk memelihara kejujuran terhadap diri sendiri dan objek kajiannya. Perincian adab-adab ini adalah seperti yang dibincangkan dalam empat subtopik berikut.

### ***Setiap penyelidik bertanggungjawab menilai arah tuju penyelidikan berasaskan wahyu***

Berkenaan adab pertama, bagi memastikan penghayatan prinsip *tabayyun* dalam penyelidikan Islam, penilaian satu-satu kajian perlu dilakukan dengan meneliti ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW terlebih dahulu. Hal ini didasarkan kepada ayat al-Hujurat (49:1). Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah*

*dan Rasul-Nya dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”* (al-Hujurat, 49:1)

Menurut Hamka (1990:6809), seorang Muslim yang beriman sentiasa menilik dan memerhatikan firman Allah SWT dan sabda Rasulullah SAW terlebih dahulu sebelum mendahulukan pendapatnya dalam hal-hal berkaitan Islam. Sebenarnya, adab yang pertama ini wajar dilaksanakan kerana al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW merupakan rujukan utama umat Islam. Justeru, penilaian arah tuju penyelidikan berdasarkan al-Qur'an dan Hadith bertujuan mendapatkan perspektif yang betul dalam penyelidikan terhadap Islam dan umat Islam (Muhammad Mumtaz Ali, 1995:14-15).

Malah menurut Anderson (2004:11), penilaian berasaskan satu-satu panduan nilai berfungsi sebagai hipotesis bagi sesuatu kajian empirikal. Walau bagaimanapun, hipotesis tersebut tidak mempratentukan (*predetermined*) kesimpulan atau jawapan kepada kajian yang dilakukan. Ibrahim A. Ragab (1999:47-48; 1993:18) menyatakan dua adab khusus untuk membina dan menguji hipotesis yang bersumberkan wahyu. Pertama, sekiranya hipotesis yang dibina bersandarkan kepada sumber al-Qur'an atau Hadith dapat dibuktikan, maka fakta yang dicerap adalah sahih dan ia menambah keyakinan para penyelidik Muslim. Kedua, sekiranya hipotesis bersandarkan sumber al-Qur'an dan Hadith tidak dapat diterima, kaedah pengujian perlu dibaiki atau pentafsiran terhadap kedua-dua teks tersebut perlu dikaji semula. Hal ini kerana, al-Qur'an dan Hadith sebagai sumber ilmu yang berautoriti dalam Islam tidak dapat ditolak kebenaran yang disampaikan melaluinya (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999:9).

Oleh yang demikian, di samping menilai arah tuju kajian dari perspektif epistemologi Islam tersebut, bukti-bukti empirikal dan hujah-hujah yang rasional berkaitan objek yang diselidiki turut diperlukan. Hal ini menzahirkan pengayaan perspektif dalam penyelidikan Islam secara epistemologinya. Malah, secara jelas, penilaian yang dilakukan adalah supaya kajian yang ingin dilaksanakan penyelidik Muslim tidak bertentangan dengan syariat Islam (Hamka, 1990:6811).

***Setiap penyelidik bertanggungjawab untuk bersifat adil terhadap objek kajian***

Adab kedua ini pula diekstrak daripada Surah al-Hujurat yang bersabit dengan nilai keadilan. Dalam ayat al-Hujurat (49:9), Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Dan jika dua puak dalam kalangan orang yang beriman berperang, maka damaikanlah antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga dia kembali mematuhi perintah Allah; jika dia kembali patuh maka damaikanlah antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”* (al-Hujurat, 49:9)

Secara umumnya menerusi ayat ini, Islam memandu umatnya berlaku adil sekiranya terdapat pihak-pihak yang berbeza pandangan (Haron Din, 1990a:36). Secara khususnya, adab tersebut iaitu bersifat adil perlu diterapkan kepada pengkaji Muslim. Dalam menghuraikan ayat tersebut, Hamka (1990:6822) menjelaskan bahawa orang yang bersifat adil perlulah tidak menyebelahi mana-mana pihak dan bersedia menyatakan kebenaran atau kesalahan pihak terbabit kerana apabila terdapat pertelingkahan antara dua pihak, tidak mungkin kesalahan hanya tertumpu kepada satu pihak sahaja. Oleh itu, perkara yang salah perlu dikatakan bahawa ia memang salah dan perlu dijelaskan peringkat kesalahannya, demikian juga perkara yang benar.

Dalam konteks penyelidikan, sifat keadilan memandu penyelidik untuk tidak menghukum mana-mana pihak secara berat sebelah, sama ada dalam menyampaikan sesuatu fakta atau mendapatkan fakta. Menurut al-Biruniy (1958:5), fakta merupakan perkara yang bersabit dengan pelaporan “*‘ala wajhih*” (sebagaimana adanya) dan tidak terkesan dengan pendapat informan yang bertentangan atau mungkin bersalahan fakta disebabkan kebencian. Malah, bersifat adil kepada alam sekitar juga dapat mengelakkan penyelidik daripada melakukan penelitian yang membawa kepada kemudaratan alam sekitar. Hal ini digambarkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab perkara yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”* (al-Rum, 30:41)

Perbuatan yang buruk bererti melakukan kezaliman yang merupakan tindakan bertentangan dengan keadilan. Oleh itu, ayat ini secara kontrapositifnya memberikan maksud bahawa semakin banyak keadilan yang dilakukan, semakin bertambah keberkatan dan kebaikan yang dapat dirasai oleh setiap makhluk Allah SWT (Ibn Kathir, 2000:1455). Allah SWT telah memosisikan keadilan dalam alam semesta yang terpamer dengan keseimbangan perjalanan setiap objek ciptaan-Nya (Yahya Muhammad Atei Ondigo, 2010:146). Oleh yang demikian, bukan sahaja penyelidikan terhadap manusia atau sesuatu masyarakat, malah penyelidikan terhadap alam tabii (haiwan dan tumbuh-tumbuhan) juga memerlukan penyelidik melakukan kajian secara adil. Perkara ini diperakui oleh ahli optik terkenal dalam tamadun Islam, Ibn al-Haytham (1989:5-6). Beliau menjelaskan yang bererti:

*“Kemudian kami lakukan pengkajian dan penaakulan secara berperingkat dan tersusun bersama kritikan premis-premis dan berhati-hati dalam menyimpulkan, dan kami jadikan matlamat kami supaya kesemua pengujian dan pencarian kami berasaskan keadilan, tidak mengikut hawa nafsu serta mengambil kira perkara yang kami nilai dan kritik yakni yang dipelajari kebenarannya dan tidak terpengaruh dengan pendapat.”*

Penyimpangan daripada adab penyelidikan secara adil dapat memecahkan keharmonian yang wujud pada masyarakat dan alam tabii yang seharusnya dipelihara oleh para penyelidik Muslim. Menurut Bashir A. Dar (2000:92), penindasan, eksploitasi, penipuan dan fitnah terjadi apabila berlakunya penyelewengan terhadap nilai keadilan. Oleh yang demikian, pelaksanaan penyelidikan yang berasaskan keadilan bukan sahaja tidak memberati sesau pihak, malah tidak melampaui batasan moral. Hal ini dibincangkan secara lanjut dalam adab berikutnya.

***Setiap penyelidik bertanggungjawab melaksanakan kajian tanpa sebarang persangkaan dan memudaratkan objek kajian***

Adab ketiga yang dapat dikeluarkan daripada Surah al-Hujurat ialah pentingnya penyelidik melaksanakan penyelidikan tanpa sebarang persangkaan iaitu sebelum proses menyelidik dan melakukan pengintipan yang memudaratkan objek kajian semasa proses menyelidik. Adab ini berasaskan ayat al-Qur’an yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya*

*sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengah yang lain...”* (al-Hujurat, 49:12).

Ayat tersebut mengandungi dua inti pati yang penting. Secara terperinci, terdapat sebuah Hadith yang memberi maksud yang hampir sama dengan inti pati pertama dalam ayat al-Hujurat (49:12) ini. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Jauhilah persangkaan buruk kerana persangkaan ialah ucapan yang paling dusta, janganlah kalian saling mendiamkan dan janganlah kalian suka mencari-cari isu, saling dengki-mendengki, saling membelakangi serta saling membenci tetapi jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara.”* (Riwayat al-Bukhariy, no. Hadith: 5604)

Merujuk kepada sifat adil yang perlu ada seperti yang telah dibincangkan dalam adab penyelidikan kedua, Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Mukhtar (2008:12) menjelaskan bahawa seseorang pengkaji yang bersifat adil perlu mengelakkan persangkaan dan kebencian, dilengkapi dengan bukti dan hujah yang kukuh serta tidak berat sebelah terhadap objek kajiannya. Malah, menurut al-Qardawiy (2011:84 & 87), persangkaan buruk disebabkan oleh bertaklid buta atau menerima sesuatu maklumat atau pandangan tanpa pemeriksaanan atau pengujian terlebih dahulu. Sekiranya keadaan ini berterusan, ia akan mengakibatkan ketaasuban atau fanatik kepada sesuatu pihak atau perkara dan menyukarkan pemerolehan pengetahuan yang benar (Abdul Rahman Abdullah, 2005:72; Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2006:44).

Bagi inti pati kedua ayat al-Hujurat (49:12) ini yang berkaitan larangan pengintipan keaiban orang lain, secara iktibarnya dapat dijelaskan bahawa para penyelidik Muslim perlu bertanggungjawab menjaga dirinya daripada memudaratkan informan atau objek kajiannya. Penekanan ini perlu diberi perhatian melihatkan kepada realiti kajian yang kontroversi oleh Laud Humphreys yang melakukan pengintipan terhadap objek kajiannya atas nama “pemerhatian ikut serta” seperti yang telah disebutkan dalam pendahuluan artikel ini. Perihal adab untuk tidak mencari keaiban orang lain ini turut disebutkan dalam sebuah Hadith Rasulullah SAW yang lain yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman dengan lidahnya namun keimanan belum masuk ke dalam hatinya, janganlah kalian mengumpat seorang Muslim dan jangan pula mencari-cari keaibannya kerana sesiapa sahaja mencari-cari keaiban mereka, Allah akan mencari-cari kesalahannya. Sesiapa sahaja yang dicari-cari Allah kesalahannya, Allah akan menampakkannya kesalahannya meskipun dia berada dalam rumahnya.”* (Riwayat Abu Dawud, no. Hadith: 4236)

Menurut Ahmad Fahmi Zamzam (2015:57), orang yang bijaksana tidak akan mengintip dan mencari keaiban orang lain kerana menyedari kepentingan menjaga maruah dirinya sendiri dan maruah diri mereka. Hal ini dapat juga diterapkan dalam konteks penyelidik. Sekiranya seseorang penyelidik tidak menutup kesalahan objek kajiannya (khususnya bagi kajian kes yang melihat salah laku atau jenayah), akan timbul permasalahan seperti tuduh-menuduh dan penghinaan yang menjatuhkan integriti diri penyelidik itu sendiri.

***Setiap penyelidik bertanggungjawab memelihara kejujuran terhadap diri sendiri dan objek kajian***



Kejujuran merupakan suatu aspek penting dalam melaksanakan penyelidikan Islam yang berusaha ke arah menatijahkan kebenaran. Adab penyelidikan keempat ini pula berasaskan ayat ke-15 dalam Surah al-Hujurat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).”* (al-Hujurat, 49:15)

Ahmad Sonhadji Mohamad (2012:149-150) menafsirkan bahawa ayat tersebut mempamerkan tiga kualiti keimanan seseorang Muslim. Pertama, kepercayaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW; kedua, tidak bersyakwasangka; dan ketiga, berjuang bersungguh-sungguh pada jalan Allah SWT. Dalam memperincikan kualiti ketiga ini, Hamka (1990:6841) menjelaskan bahawa seseorang yang berjuang pada jalan Allah SWT ialah mereka yang tidak melebihi keadaan yang sebenarnya dalam berkata-kata. Dalam perkataan lain, individu sebegini mempunyai kualiti kejujuran yang sejati. Iktibar yang dapat diambil sebagai inti pati dalam ayat ini ialah penyelidik Muslim yang jujur ialah penyelidik yang berjuang mencari kebenaran dengan sepenuh jiwa dalam kajiannya yang bertitik tolak daripada keimanan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Dalam istilah yang lebih umum, keimanan kepada Tuhan dan pesuruh-Nya dalam penyelidikan ini dapat disebut sebagai penyelidikan berpandukan sistem kepercayaan seseorang penyelidik. Menurut Shaharir Mohamad Zain (2012:37), pentaksiran terhadap teori-teori yang diterbitkan dalam penyelidikan sains mahupun sains sosial adalah berlandaskan sistem kepercayaan para penyelidik. Oleh yang demikian, dalam membincangkan tujuan menggapai kebenaran dalam penyelidikan, kejujuran terhadap diri dan objek kajian dilihat penting kerana ia dicorakkan oleh sistem kepercayaan penyelidik dan tindakannya dalam mencapai matlamat kajian.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga ciri pada individu yang jujur yang disenaraikan oleh Abu Sa'id al-Kharraz (1937:56). Pertama, sentiasa melakukan sesuatu dalam keadaan takut kepada Allah SWT; kedua, sentiasa mengawal hati dan anggota badannya; dan ketiga, sentiasa fokus dengan tujuannya. Oleh itu, bagi mematuhi adab penyelidikan keempat ini, penyelidik perlu mempunyai tahap keimanan yang tinggi, sentiasa berkelakuan baik dan tidak berprasangka serta mempunyai matlamat yang jelas. Oleh itu, kejujuran penyelidik penting untuk mengumpul data, menganalisis data dan merumuskan kajiannya bagi mencapai keharmonian social, khususnya bagi satu-satu penyelidikan terapan (*applied research*) yang melibatkan pembentukan dasar awam kepada masyarakat.

Dengan mempraktikkan adab penyelidikan yang berpaksikan kejujuran, kajian yang dilaksanakan dapat menatijahkan rumusan yang membawa kebaikan, seperti yang dapat diambil daripada dua buah Hadith Rasulullah SAW. Sabda Baginda SAW yang bermaksud:

*“Sesungguhnya kejujuran akan membimbing kepada kebaikan, dan kebaikan itu akan membimbing ke syurga. Sesungguhnya seseorang yang sentiasa berlaku jujur akan dicatat sebagai orang yang jujur. Dan sesungguhnya kedustaan itu akan membawa kepada kejahatan, dan sesungguhnya kejahatan itu akan menghantarnya ke neraka. Dan sesungguhnya seseorang yang selalu berdusta*

akan dicatat baginya sebagai seorang pendusta.” (Riwayat al-Bukhariy, no. Hadith: 5629)

“Apabila seorang hakim menghukumi suatu perkara, lalu berjihad dan benar, baginya dua pahala. Dan apabila dia menghukumi satu perkara, lalu berjihad dan keliru, baginya satu pahala.” (Riwayat al-Bukhariy, no. Hadith: 6805)

Secara inti patinya, kedua-dua Hadith ini memberi implikasi kepada setiap rumusan kajian yang tepat berasaskan kejujuran yang tinggi oleh seseorang penyelidik dapat memberikannya dua kebaikan. Pertama, manfaat kepada masyarakat semasa di dunia; dan kedua, ganjaran kepada diri penyelidik itu sendiri di akhirat kelak. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan dengan kejujuran yang tinggi, namun tidak mendapat rumusan yang tepat, penyelidik tetap mendapat ganjaran kebaikan di akhirat. Sebaliknya, kajian yang dilakukan tanpa kejujuran akan membawa kepada rumusan yang menyeleweng dan dilabel sebagai pendusta di akhirat kelak. Oleh itu, sifat jujur dalam diri penyelidik Muslim penting diketengahkan dalam penyelidikan Islam kerana kesannya bukan sekadar beroleh kebaikan di dunia, malah memanjangkan implikasinya ke alam akhirat.

### **Kesimpulan**

Artikel ini secara umumnya telah mencapai kedua-dua objektif yang ditetapkan. Bagi objektif pertama, artikel ini telah menemui bahawa *tabayyun* merupakan prinsip yang asas dalam penyelidikan Islam. Malah, untuk menghayati prinsip tersebut, artikel ini berusaha mencapai objektif keduanya dengan mengemukakan empat adab penyelidikan penting yang dapat diekstrak daripada Surah al-Hujurat. Pertama, penilaian arah tuju penyelidikan beracukan wahyu; kedua, kepentingan sifat tidak memihak dan adil; ketiga, berkaitan tidak berprasangka dan tidak memudaratkan objek penyelidikan; dan keempat, berkaitan kejujuran penyelidik dalam penyelidikan. Penyelidikan yang dilakukan atas dasar keimanan kepada Allah SWT akan menatijahkan kebaikan di dunia dan akhirat. Natijah ini menunjukkan kelebihan yang ada dalam adab-adab penyelidikan yang diiktibarkan daripada hikmah Surah al-Hujurat. Oleh yang demikian, penyelidikan yang mengambil kira adab-adab tersebut dijangka dapat memberi implikasi kepada penyelidik Muslim untuk mencapai matlamat memperoleh kebenaran yang hakiki atas dasar keimanan kepada Allah SWT. Malah, adab-adab ini juga dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum melalui pembentukan dasar-dasar awam yang membawa keharmonian sosial.

### **Rujukan**

- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana falsafah ilmu: Analisis konsep-konsep asas dan falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abu Sa'id al-Kharraz, Ahmad 'Isa. (1937). *The book of truthfulness: Kitab al-sidq* (terj. A. J. Arberry). London: Oxford University Press.
- Ahmad Fahmi Zamzam. (2015). *Empat puluh hadits akhlak mulia*. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Ahmad Sonhadji Mohamad. (2012). *Tafsir al-Quran di Radio juz 26*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Biruniy, Abu Rayhan Muhammad Ahmad. (1958). *Kitab al-Biruniy fi tahqiq ma li al-hind min maqulah maqbulah fi al-'aql aw mardhulah*. Hyderabad: Matbu'ah Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah.
- Al-Butiy, Muhammad Sa'id Ramadan. (1996). *Keyakinan hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan tugas makhluk di alam semesta* (terj. Muhammad Sulaiman Yassin). Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.

- Al-Qardawiy, Yusuf. (2011). *Manusia dan kebenaran* (terj. Mohd Fairouz Mohd Fathillah & Rosli Mokhtar). Selangor: Jawatankuasa Tarbiah Pertubuhan IKRAM Malaysia.
- American Psychological Association. (2010). *Ethical Principles of Psychologists and Code of Conduct*. Dicapai pada 14 Oktober 2017 daripada <http://www.apa.org/ethics/code/>.
- Anderson, E. (2004). Uses of value judgments in science a general argument. *Hypatia*, 19(1), 1-24.
- Asmawati Suhid. (2009). Pendidikan akhlak dan adab Islam: Konsep dan amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Babbie, E. (2013). *The practice of social research* (13th ed.). United States of America: Wadsworth Cengage Learning.
- Bashir A. Dar. (2000). *Qur'anic ethics*. Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Berg, B. L. (2001). *Qualitative research methods for the social sciences* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th ed.). New York: Routledge.
- Couvalis, G. (1997). *The philosophy of science: Science and objectivity*. London: SAGE Publications.
- Gonzalez, W. J. (2013). Value ladenness and the value-free ideal in scientific research. Dlm. C. Luetge (Ed.), *Handbook of the philosophical foundations of business ethics*. New York: Springer Science+Business Media.
- Hamka, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1990). *Tafsir al-azhar jilid 9*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Haron Din. (1990a). *Manusia dan Islam jilid I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. (1990b). *Manusia dan Islam jilid III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. (2008). *Islam: Rujukan efektif akhlak mulia*. Kuala Lumpur: PTS Millenia.
- Hicks, S. (2013). Entrepreneurship and ethics. Dlm. C. Luetge (Ed.), *Handbook of the philosophical foundations of business ethics*. New York: Springer Science+Business Media.
- Ibn al-Haytham, al-Hasan al-Hasan. (1989). *The optics of Ibn al-Haytham, book I-III: On direct vision* (terj. Abdelhamid I. Sabra). London: Warburg Institute, University of London.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il 'Umar al-Qurasyiy al-Dimasyqi. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Ibrahim A. Ragab. (1993). Islamic perspectives on theory building in the social sciences. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 10(1), 1-22.
- Ibrahim A. Ragab. (1999). On the methodology of Islamizing the social sciences. *Intellectual Discourse*, 7(1), 27-52.
- Khalif Muammar A. Harris & Adibah Mukhtar. (2008, Februari). Objektiviti menurut perspektif Islam. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II (Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Lidwa Pusaka (t.t.). *Ensiklopedi hadits kitab 9 imam versi online*. Dicapai pada 18 Januari 2016 daripada <http://app.lidwa.com/>.
- Mohd Shukri Hanapi. (2015, Julai/Ogos). Tabayyun sebelum share dan forward berita. Dakwah, 36-39.
- Muhammad al-Tahir 'Asyur. (1984). *Tafsir al-tahrir wa al-tanwir al-juz' al-sadis wa al-'isyrun*. Tunisia: Al-Dar al-Tunisiyah li al-Nasyar.
- Muhammad Mumtaz Ali. (1995). Introduction: Contemporary movement of knowledge in the Muslim world – a retrospect. Dlm. Muhammad Mumtaz Ali (Ed.), *Conceptual and*

- methodological issues in Islamic research: A few milestones*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. (2013). Kedudukan akal dalam pendalilan akidah. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 63(1), 31-39.
- Neuman, W. L. (2011). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (7th ed.). Boston: Pearson Education.
- Popper, K. (1992). *The logic of scientific discovery*. London: Routledge.
- Rubin, A. & Babbie, E. (2011). *Research methods for social work* (7th ed.). United States of America: Brooks/Cole.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an jilid X* (terj. As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah). Jakarta: Gema Insani.
- Shaharir Mohamad Zain. (2012). Tabii kaedah sains. Dlm. Abdullah Hassan (Ed.), *Shaharir Mohamad Zain: Ahli matematik Melayu*. Selangor: PTS Akademia.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (1999). *Epistemologi Islam: Teori ilmu dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1980). *The concept of education in Islam*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2006). *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu tinjauan epistemologi dan kependidikan ke arah penyatuan pemikiran bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Muhammad Atei Ondigo. (2010). *Forty hadiths on good moral values*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Zulkifli Muhammad al-Bakri. (2015). *Berita: Konsep tabayyun dan penerimaannya*. Dicapai pada 8 Ogos 2016 daripada <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/perkhidmatan-s/bl/294-berita-konsep-tabayyun-dan-penerimaannya>.